

SENARAI PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-14
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]

TARIKH : 25 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan Persekutuan dalam memberikan autonomi serta kepercayaan kepada Kerajaan Negeri Sabah dalam menguruskan sendiri dana pembangunan dari Kerajaan Persekutuan yang diperuntukkan kepada Negeri Sabah berdasarkan keperluan-keperluan yang telah dikenalpasti oleh Kerajaan Negeri Sabah.

JAWAPAN: YB DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS JOHNTY
ONGKILI MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH DAN SARAWAK)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan pembahagian kuasa di antara Kerajaan Pusat dengan negeri seperti mana yang telah termaktub di bawah Senarai I, II dan III kepada Jadual Kesembilan. Buat masa ini, pengurusan dana pembangunan dari Kerajaan Persekutuan yang diperuntukkan kepada negeri Sabah dan Sarawak adalah dikendalikan berpandukan kepada peraturan-peraturan, dasar dan tatacara kewangan yang sedia ada. Walau bagaimanapun, Majlis Khas MA63 boleh membincangkan perkara ini jika dibangkitkan dalam mesyuarat yang akan datang. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]

TARIKH : 25 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menyatakan usaha-usaha yang dibuat Kerajaan bagi meningkatkan pendapatan isi rumah kasar bulanan di Sabah.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES&BA) 2019, pendapatan isi rumah kasar bulanan purata di Sabah adalah sebanyak RM5,745 pada tahun 2019 berbanding RM5,354 pada tahun 2016.

2. Bagi meningkatkan pendapatan isi rumah kasar bulanan purata di Sabah, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), 2021-2025 akan terus memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh pembangunan sosioekonomi di Sabah dan juga Sarawak agar jurang pembangunan dengan negeri-negeri lain dapat dikurangkan.

3. Keutamaan akan diberi untuk memantapkan penyediaan infrastruktur, mengoptimumkan potensi ekonomi, menambah baik akses

kepada perkhidmatan sosial, mempertingkatkan pembangunan inklusif dan memperkukuh kerjasama antara agensi Persekutuan dan kerajaan negeri. Di samping itu, Kerajaan juga akan mengoptimumkan potensi ekonomi di Sabah terutamanya dalam memperkukuh pembangunan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dengan meningkatkan akses kepada pembiayaan, mempertingkatkan aktiviti berasaskan sumber, memudah cara perniagaan dan meningkatkan akses pasaran PMKS. Pelaksanaan langkah ini dijangka dapat mengurangkan jurang pembangunan sosioekonomi antara negeri Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia serta meningkatkan kesejahteraan rakyat.

4. Usaha akan diperkukuh dalam pembangunan sosioekonomi di Sabah, termasuk meningkat dan mempelbagaikan sumber pendapatan, serta menangani kemiskinan dan memperkukuh kesejahteraan rakyat khususnya bagi Anak Negeri Sabah di daerah termiskin. Sumber pendapatan isi rumah miskin akan ditingkat dan dipelbagaikan melalui penglibatan dalam aktiviti ekonomi yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, pembangunan modal insan dan keusahawanan. Sumber semula jadi dan budaya tempatan akan dimanfaatkan dalam mengkomersialkan produk tempatan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi termasuk dalam industri pertanian, akuakultur, ekopelancongan serta memasarkan seni dan kraf tempatan. Program peningkatan kemahiran terutama TVET juga akan dipergiat. Ekosistem keusahawanan seperti bantuan pembiayaan dan pemasaran melalui platform digital akan diperkukuh untuk membantu usahawan tempatan serta mempercepat pembangunan sosioekonomi komuniti.

5. Secara khususnya, Program Khas Anak Negeri Sabah dijangka dapat meningkatkan kebolehpasaran dan pendapatan, menggalakkan keusahawanan serta memudah cara pembangunan tanah adat (NCR). Program dan projek yang dirancang akan memberi fokus kepada pembangunan masyarakat di Bumiputera Sabah terutamanya berkaitan pendidikan, keusahawanan, hak tanah dan mahkamah adat. Di samping itu, Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri akan memainkan peranan bagi memperkukuh kerjasama antara Agensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk memastikan penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
[PONTIAN]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah cadangan-cadangan untuk memastikan penguasaan ekuiti Bumiputera di negara ini bagi mencapai sasaran 30% dan perkembangan jumlah Bumiputera dalam bidang profesionalisme seperti akauntan, peguam, doktor, jentera, arkitek dan saintis serta nyatakan usaha untuk meramaikannya.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Pontian, dalam tempoh RMKe-12, Kerajaan akan terus memberi penekanan bagi memastikan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera terus mampan.
2. Antara strategi dan inisiatif bagi memastikan penguasaan ekuiti Bumiputera di negara ini terus meningkat adalah seperti berikut:
 - i. Mengkaji semula strategi pelaburan antaranya, melalui cadangan untuk memperkenalkan kerangka jaringan keselamatan ekuiti;
 - ii. Mempertingkatkan literasi pelaburan antaranya, melalui kerjasama antara institusi Bumiputera seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB), MARA dan EKUINAS dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia; dan
 - iii. Memantapkan peranan syarikat milik Kerajaan (SOE) sebagai pemboleh daya bagi pemilikan ekuiti Bumiputera. Ini akan dilaksanakan antaranya, dengan memudah cara penyenaiaan lebih banyak syarikat awam tersenarai (PLC) Bumiputera dengan menambah baik program sedia ada.
3. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, penyertaan Bumiputera dalam bidang profesional terpilih masih lagi rendah berbanding dengan populasi keseluruhan Bumiputera yang mewakili sekitar 70 peratus daripada keseluruhan penduduk warganegara pada tahun 2020.
4. Namun begitu, dari segi pencapaian, terdapat sedikit peningkatan bagi penyertaan Bumiputera dalam bidang profesional terpilih termasuk akauntan, peguam, doktor, jentera, arkitek dan saintis. Sebagai contoh,

kadar penyertaan Bumiputera dalam profesion akauntan dan arkitek telah meningkat, iaitu masing-masing mencatat 9.3 peratus dan 41.6 peratus pada tahun 2020 berbanding 8.9 peratus dan 41.3 peratus pada tahun sebelumnya, walaupun dalam keadaan negara dilanda pandemik COVID-19.

5. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan terus memberi tumpuan untuk meningkatkan jumlah profesional Bumiputera dalam tempoh RMKe-12. Agensi pelaksana seperti YPPB dan MARA akan membantu lebih ramai Bumiputera termasuk *huffaz* untuk menyertai bidang profesional. Manakala profesional Bumiputera sedia ada akan dilatih untuk menjadi pakar dalam pelbagai bidang seperti perubatan dan kejuruteraan.

6. Selain itu, Kerajaan akan memberi tumpuan untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam kerjaya masa hadapan seperti penganalisis dan saintis data serta pakar data raya, selaras dengan perkembangan teknologi dan 4IR. Usaha ini akan dilaksanakan melalui kerjasama strategik dengan industri dan institusi latihan kemahiran yang berkaitan.

7. Sehubungan itu, langkah ini diharapkan akan menambah baik keupayaan dan kemampuan Bumiputera serta menghasilkan modal insan yang seimbang dari segi pengetahuan, kemahiran dan nilai moral.

Sekian, terima kasih.